Menurutnya, untuk mengatasi masalah ini, langkah yang telah diambil oleh UUM bagi memastikan bekalan air mencukupi adalah dengan menyewa lori untuk mengangkut air dari luar dan kos yang ditanggung pada tahun lalu ialah sebanyak RM900 ribu dan ini amat membebankan universiti malah ia amat merugikan.

Katanya, lagi disebabkan bekalan air yang tidak cukup juga, menyebabkan saluran paip bekalan air ke UUM menghadapi tekanan rendah.

Dr Abdul Razak berkata, pada tahun-tahun awal penempatan UUM di Kampus Sintok mulai tahun 1990, UUM hanya mengepam air selama lapan jam sehari bagi memenuhi tangki simpanan air.

"Jumlah masa mengepam air ditambah menjadi 16 jam sehari mulai tahun 1997 bagi memenuhi keperluan warga kampus. Namun selepas itu, disebabkan tekanan air yang rendah, rumah pam UUM terpaksa beroperasi 24 jam sehari tanpa henti untuk menampung keperluan air untuk warga UUM dan ini mengakibatkan belanja yang amat besar," katanya.

Habis.

==========

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016